

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI HABITAT SEDUNIA
MALAYSIA TAHUN 2002
DI PPR SERI PANTAI, KUALA LUMPUR
7 OKTOBER 2002

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan IzinNya dapat kita bersama-sama merayakan Sambutan Hari Habitat Sedunia Malaysia Tahun 2002 di tapak projek perumahan rakyat (PPR) Sri Pantai. Saya merasa bangga kerana majlis sambutan ini telah dapat diatur dalam bentuk Perhimpunan Habitat yang melibatkan semua pihak yang terlibat secara langsung di dalam pelaksanaan Agenda Habitat. Tema Hari Habitat Sedunia 2002 ialah Kerjasama Antara Kota (City To City Cooperation).

2. Perjumpaan kita ini merupakan satu perhimpunan bagi menyambut dan mengingati pencapaian Malaysia dalam urusan penempatan manusia khususnya bagi mengadakan kemudahan tempat tinggal yang mencukupi, berkualiti dan selesa kepada rakyat. Oleh yang demikian, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan selamat menyambut Hari Habitat Sedunia Malaysia Tahun 2002.

3. Kita boleh berbangga kerana kita telah berjaya meningkatkan kualiti hidup rakyat. Berbanding dengan negara- negara lain, Sambutan Hari Habitat Sedunia masih lagi dalam peringkat untuk meningkatkan kesedaran (bukannya merayakan) semua pihak ke atas tanggungjawab sosial bagi menyediakan kemudahan tempat tinggal yang sepadan dengan keadaan persekitarannya dan status manusia.

4. Apabila Kerajaan melancarkan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970, salah satu usaha kerajaan ialah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Dengan mengambil faktor tempat tinggal sebagai keperluan asas manusia, maka dalam setiap Rancangan Malaysia kerajaan telah menjadi agenda perumahan sebagai salah satu agenda terpenting kerana setiap manusia memerlukan tempat tinggal yang selesa dan serta mampu dimilikinya. Sebab itu apabila kita dilanda kegawatan ekonomi pada tahun 1997, kerajaan terus memberi penumpuan dengan mengadakan peruntukan yang berlipat ganda di bawah program pembangunan perumahan - semata-mata bagi memastikan penduduk-penduduk Malaysia tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan kemudahan tempat tinggal.

5. Malahan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan, peruntukan pembangunan perumahan yang berlipat ganda telah disediakan dengan pertambahan 100% mulai Rancangan Malaysia Keenam. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam peruntukan pembinaan perumahan awam adalah sebanyak RM600 juta. Peruntukan telah bertambah sebanyak 100% di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh menjadi sebanyak RM1.2 billion dan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak RM2.16 billion. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan kerajaan telah melaksanakan kemudahan perumahan untuk disewa di bawah Program Perumahan Rakyat Bersepadu (PPR). Program ini dijangka akan mendapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh sebahagian daripada penduduk yang tidak mampu untuk membeli rumah kos rendah.

6. PPR Bersepadu merupakan 'crash programme' yang memberi tumpuan kepada penyediaan kemudahan perumahan untuk disewa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan beberapa bandar utama yang menghadapi masalah perumahan dan setinggan diseluruh Malaysia. Sebanyak 34,584 unit rumah di bawah PPR di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan kos RM1.6 bilion yang melibatkan 24 buah projek sedang dalam peringkat pembinaan di mana dijangkakan siap sepenuhnya dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Kawasan-kawasan perumahan ini kebanyakannya tertumpu di kawasan-kawasan yang strategik dan mempunyai kemudahan perhubungan yang baik. Jumlah unit yang akan dibina didapati bersamaan dengan jumlah perumahan awam untuk disewa yang sedia ada di dalam Bandaraya Kuala Lumpur. Dijangkakan dengan pelaksanaan projek ini, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan dapat menyelesaikan masalah perumahan golongan berpendapatan rendah dan menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur Setinggan Sifar menjelang tahun 2005.

7. Pada masa yang sama sebanyak 21,104 unit rumah yang melibatkan 27 projek akan dilaksanakan di beberapa negeri di bawah program yang sama untuk menyelesaikan masalah setinggan di beberapa bandar utama.

8. Keistimewaan kepada projek PPR dan konsep perumahan kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Kelapan ialah kemudahan perumahan yang disediakan mengikut spesifikasi yang selesa serta dilengkapi dengan kemudahan sosial. Spesifikasi keselesaan perumahan awam di Malaysia ialah mempunyai keluasan lantai tidak kurang daripada 60 meter persegi (650 kaki persegi), tiga bilik tidur, ruang dapur, ruang tamu dan makan serta satu bilik mandi dan satu tandas. Kemudahan asas seperti dewan serbaguna dan tempat permainan juga disediakan untuk meningkatkan kualiti hidup penghuni. Kemampuan yang dimaksudkan ialah kadar sewa yang rendah telah dikenakan iaitu sebanyak RM124.00 sebulan berbanding dengan kadar sewa pasaran ialah diantara RM400.00-RM500.00 sebulan.

9. Crash Programme di bawah Rancangan Malaysia Kelapan perlu dilihat secara positif mengenai komitmen kerajaan yang berterusan dalam menyelesaikan masalah petempatan manusia selaras dengan pelaksanaan agenda HABITAT. Usaha ini sebenarnya boleh menjadikan contoh amalan terbaik (best practice) kepada negara-negara lain dan seterusnya diberi pengiktirafan yang sewajarnya. Bagaimanapun yang pentingnya ialah menjadi tanggungjawab Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kontraktor-kontraktor, juruperunding- juruperunding mengembelikan tenaga secara bersepadu bagi memastikan 34,584 unit PPR di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 21,104 unit PPR di negeri-negeri disiapkan dalam tempoh yang terdekat. Masalah setinggan di atas tapak sudah boleh diselesaikan kerana jumlahnya adalah berkurangan dengan sejumlah 10,000 unit PPR yang akan disiapkan menjelang tahun 2001.

10. Kewujudan setinggan, penghuni pondok usang dalam bandar yang dilengkapi dengan kemudahan yang serba moden seringkali dicap sebagai orang yang anti-pembangunan. Ternyata kita sendiri tidak boleh lari dari masalah ini. Wujudnya petempatan ini yang tidak sempurna seperti kawasan yang kotor, bau busuk dan sebagainya mencacatkan lagi pemandangan dan tidak dapat pengiktirafan masyarakat antarabangsa walaupun bandar itu sudah bertaraf bandaraya yang dikagumi.

11. Dan hari ini kita menyambut Hari Habitat Sedunia yang merupakan Agenda Habitat tentang Pelan Tindakan Sedunia ke arah petempatan manusia yang

seimbang dengan menitikberatkan penyediaan perumahan mencukupi bagi semua kumpulan penduduk dan persekitaran perbandaran mapan. Kita turut menyahut serta menerima pakai Agenda Habitat dengan resolusi sambutan Hari Habitat Sedunia dan tanggungjawab ini diberi kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai Pusat Tumpuan Kebangsaan bagi memastikan pelaksanaan segala rumusan yang telah dipersetujui.

12. Bolehlah saya katakan, kita adalah di antara negara yang berjaya di dunia dapat menyediakan tempat tinggal yang selesa bagi rakyatnya. Ini telah terbukti dengan bilangan rumah dan rumah pangsa yang kita dapat bina. Kita membuat perancangan yang teliti dalam setiap rancangan pembangunan bandar terutama membuat kajian terperinci kesan yang akan dihadapi. Rancangan juga dibuat supaya sistem jalan dan lain- lain kemudahan pengangkutan dapat menghubungi semua bandar- bandar dengan pusat bandar di ibukota. Kemudahan rekreasi, kawasan lapangan dan kebun-kebun bunga dan berbagai perkhidmatan disediakan untuk memberi keselesaan hidup di bandar.

13. Semua ini dibuat kerana pembangunan negara dan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Akibat dari pembangunan yang pesat maka ramailah yang berhijrah ke bandar untuk mencari rezeki yang melimpah ruah ada di bandar. Tidak hairanlah lebih pesat pembangunan ramailah lagi penduduk yang akan berpindah dan tinggal di bandar. Dalam konteks ini kerajaan terpaksa menyediakan lebih banyak lagi kawasan- kawasan perumahan bagi menampung jumlah penduduk yang makin bertambah. Dalam proses penyusunan semula pula, pembangunan bandar akan turut juga mengubah corak bandar supaya ia tidak lagi mencerminkan pemisahan kaum-kaum di Malaysia. Bandar- bandar Malaysia di masa-masa akan datang akan mencerminkan campuran kaum yang terdapat di Malaysia. Bukan sahaja mereka akan tinggal bersama-sama di bandar, tetapi mereka akan bekerja, berniaga, bermain dan berehat bersama-sama. Kita tidak mahu membentuk kawasan perumahan atau bandar yang dihuni oleh kaum-kaum tertentu atau hanya didiami oleh golongan yang dikenali sebagai golongan elit sahaja. Pemisahan secara ini tidak baik untuk negara dan akan membawa tafsiran yang tidak sihat kepada generasi akan datang. Dengan dapat hidup bersama, maka dapatlah kita membentuk satu masyarakat Malaysia yang bersatupadu.

14. Semua pihak bersetuju bahawa kebersihan dan kecantikan bandar adalah perkara yang baik. Ia bukan sahaja tugas pihak berkuasa bandaran tetapi menjaga kecantikan dan kebersihan adalah juga tanggungjawab penduduk-penduduk. Penghuni- penghuni rumah dan kedai-kedai hendaklah memberi kerjasama dan menolong pihak berkuasa bandaran dengan menjaga kawasan masing-masing sehinggalah di tepi jalan di hadapan kediaman masing-masing. Bagi penghuni rumah pangsa bolehlah menghiasi dengan bunga di tingkap-tingkap. Seberapa boleh hiasilah rumah dengan Jalur Gemilang tetapi bukan dengan bendera- bendera dari kain-kain baju yang telah dicuci. Saya sedar mereka menghadapi kesukaran untuk menyidai kain baju kerana tiada tempat atau kemudahan yang disediakan. Saya cadangan di sini supaya pihak Jawatankuasa Penduduk membuka perniagaan mengering kain baju.

15. Rakyat yang diberi kemudahan perumahan terutama rumah pangsa adalah diminta menjaga kebersihan dan kemudahan awam yang disediakan supaya dapat menikmati kehidupan yang berkualiti. Saya amat dukacita gejala vandalisme masih lagi berlaku dalam masyarakat. Gejala ini menunjukkan bahawa masih ada lagi pemikiran masyarakat negara ini yang tidak sampai ke tahap untuk menikmati

kualiti kehidupan yang tinggi. Kita tidak mahu rakyat menuntut kemudahan awam kelas satu tetapi masih bermentaliti negara dunia ketiga. Dalam hal ini Jawatankuasa Penduduk hendaklah tegas terhadap penghuni rumah yang didapati merosakkan kemudahan awam dan pada masa yang sama, jika ada anak-anak yang ditegur oleh jawatankuasa ini, janganlah pula ibubapa melenting dan bertindak membela anak mereka.

16. Salah satu ciri kebudayaan kita di Malaysia ialah berniaga secara menjaja. Kita tidak nafikan berniaga secara menjaja ini adalah untuk memenuhi keperluan masyarakat kita. Selain membantu keluarga ia juga dapat membantu mengurangkan inflasi. Kerajaan tidak berniat untuk menghapuskan peniaga-peniaga kecil dan penjaja. Tetapi ia hendaklah dijalankan di tempat yang ditetapkan dengan persekitaran yang bersih dan tidak berbau busuk. Ia bukan sahaja akan menarik penduduk tempatan untuk mengunjunginya tetapi ia juga akan menarik pelancong.

17. Memangpun menjadi hasrat kerajaan untuk melihat lebih ramai rakyat berniaga. Dalam hal ini saya ingin menarik perhatian tentang satu program berniaga dalam sebuah kompleks yang teratur. Program perintis ini telahpun saya lancarkan di Ampang Jaya, Sabtu lalu, iaitu Kompleks Muhibbah di mana di bawah satu bumbung kita boleh berniaga dan beriadah. Saya cadangan pembinaan Kompleks ini diperluaskan lagi bagi kemudahan para peniaga dan penduduk untuk berinteraksi. Ini akan mempercepatkan lagi proses mengenali jiran kita. Penyakit tidak ambil kisah mengenai orang lain yang terdapat dibandar perlulah di atasi segera. Sikap aku-aku dan kamu-kamu ini terdapat dengan luasnya di bandar-bandar. Konsep kejiranan dan Kompleks Muhibah ini akan dapat membina satu masyarakat yang lebih bersatu padu dan aman sejahtera. Ini adalah hasrat kerajaan. Selain mengenali antara satu sama lain, kita juga dapat menjaga keselamatan harta benda dan rumah tangga.

18. Saya difahamkan peserta yang turut hadir pada petang ini adalah juga terdiri daripada kontraktor dan konsultan yang melaksanakan projek PPR ini. Saya berharap pihak kontraktor dan pihak konsultan dapat bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi memastikan semua projek dapat disiapkan mengikut jadual. Sebarang dispute dan pertelingkahan teknikal atau konsep hendaklah diselesaikan secara bersama supaya tidak merugikan mana-mana pihak.

19. Saudara-saudari tentu maklum bahawa sebarang kelewatan akan memberi kesan kepada penyediaan 55,688 unit PPR yang perlu disiapkan dalam tempoh terdekat ini. Saya berpendapat sekiranya ada Smart Partnership di antara kementerian, kontraktor, konsultan dan juga penduduk setinggan, PPR akan mencapai kejayaan yang berkesan yang menguntungkan semua pihak. Urusan penempatan manusia yang selaras dengan prinsip dan semangat HABITAT sebenarnya adalah merupakan tanggungjawab sosial bagi semua pihak yang terlibat.

His Excellencies and Our distinguished guests (Participants from the 18th EAROPH World Planning Congress),

20. Under the Integrated Public Housing Programme, a total of 24 projects, comprising 34,584 units of houses are being built in Kuala Lumpur and another 27 projects comprising 21,104 units of houses are in various stages of implementation in other states. Under this programme, houses are rented out to squatter for a very low rental of RM124 per month in order to solve the squatter problem and to achieve

its objective of Zero Squatter by the year 2005. With these incentives, it is hoped that the settlers in this schemes would be able to continuously improve their social-economy position and thereby play an important role in nation building.

21. Kerajaan sedang giat untuk memulihkan projek-projek perumahan yang terbengkalai. Saya difahamkan pada masa ini terdapat 95 projek terbengkalai yang telah dikesan oleh KPKT. Kerajaan memberi perhatian ke atas usaha memulihkan projek-projek terbengkalai di mana peruntukan sejumlah RM300 juta telah diluluskan bagi maksud membuat kajian dan memulihkan projek-projek tersebut. Saya berharap KPKT dengan pihak-pihak yang berkenaan seperti Syarikat Perumahan Negara, Institusi-institusi kewangan dan sebagainya dapat memainkan peranan memulihkan projek-projek terbengkalai. Projek-projek ini perlu dipulihkan bagi mengelakkan pihak pembeli menanggung beban hutang pinjaman dan juga bagi mengelakkan tempat-tempat ini dijadikan sarang penagih dadah dan sebagainya.

22. Saya menaruh harapan yang tinggi agar Sambutan Hari Habitat Sedunia akan memberi kesedaran kepada semua pihak sama ada kumpulan komuniti, sektor awam, sektor swasta, pertubuhan bukan Kerajaan dan badan-badan profesional supaya sama-sama menunaikan tanggungjawab sosial masing-masing dalam merangka program penempatan manusia yang kemas dan seimbang. .

23. Kepada Penduduk-Penduduk Perumahan Awam yang turut hadir pada hari ini saya ucapkan syabas dan tahniah di atas kehadiran dan sokongan yang padu kepada Kerajaan. Saya juga berharap agar penduduk yang telah diberi kemudahan perumahan ini akan dapat bersama-sama memelihara dan menjaga semua kemudahan asas dan sosial di kawasan perumahan masing-masing seperti yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan. Selain itu, penduduk juga perlu mengubah sikap dan berusaha untuk menyesuaikan diri di dalam persekitaran kehidupan yang baru.

24. Akhirnya bersempena majlis ini dan dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan majlis Sambutan Hari Habitat Sedunia Tahun 2002 dengan tema "Kerjasama Antara Kota".

Terima kasih.